

Isu Clob: Siasancam ambil tindakan undang-undang

SEBUAH persatuan yang mewakili pemegang saham Singapura mengancam untuk mengambil tindakan undang-undang jika isu Clob yang sudah berlarutan selama 17 bulan tidak diselesaikan.

Akhbar Singapura, Sunday Times memetik wakil Persatuan Sekuriti Singapura (Sias), David Gerald sebagai berkata, pihaknya serius terhadap cadangan untuk mengambil tindakan undang-undang.

"Bursa Saham Kuala Lumpur setakat

ini tidak cenderung untuk mencapai penyelesaian yang bersesuaian dan ia tidak memberi sebarang tanda-tanda bahawa pendiriannya itu akan berubah. Berikutan itu, Sias perlu bersedia untuk membantu ahlinya yang mahu mengambil tindakan undang-undang," kata beliau.

Urus niaga saham syarikat Malaysia yang didagangkan secara tidak rasmi di bursa Central Limit Order Book International (Clob), kendalian Bursa Singapura

dibekukan sejak September 1998 oleh pihak Singapura.

Adalah dianggarkan kira-kira 170,000 pemegang saham, kebanyakannya rakyat Singapura, terperangkap apabila Bursa Singapura memberhentikan dagangan di Clob yang tidak diiktiraf Malaysia.

Gerald berkata, persatuannya yang mewakili 50,000 pelabur CLOB mahukan saham syarikat Malaysia di Clob yang dibekukan dagangannya itu dipindahkan

ke akaun pelabur.

Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong sebelum ini pernah berkata, beliau akan mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatnya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bulan ini bagi membantu memecahkan kebuntuan berkaitan isu itu.

Bagaimanapun, Singapura sebelum ini pernah mengancam membawa isu itu kepada Pertubuhan Perdagangan Dunia jika penyelesaian gagal dicapai. – Agensi

BH 14 FEB 2000